

BERITA HARIAN

DATE: 09/04/2008

Kritikan Dr M langgar disiplin parti: Karpal

KUALA LUMPUR: Kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sangat bertentangan dengan disiplin parti dan sewajarnya dirujuk kepada Lembaga Disiplin parti kerana beliau masih lagi ahli parti.

Pengerusi DAP yang juga Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh, berkata sebagai ahli Umno, Dr Mahathir seharusnya tahu batas terhadap kritikan umum yang dibuatnya terhadap kepemimpinan partinya sendiri.

"Walaupun saya tidak sepatutnya campur tangan dengan urusan Umno, saya malu melihat Dr Mahathir mengheret negara dan dirinya dalam kemelut itu menerusi kritikkannya, dan demi kepentingan umum, tindakan itu mesti dihentikan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, ketika Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn bersara, kedua-dua bekas pemimpin negara itu menjadi insan yang dihormati dan disegani, justeru, Dr Mahathir sepatutnya menjadikan pemimpin berkenaan sebagai contoh.

Karpal memberi contoh apa yang berlaku terhadap dirinya ketika Dr Mahathir membuat kenyataan yang diambil daripada petikan Shakespe-

are, "perkara pertama yang kita akan buat adalah menggantung peguam," yang menurut bekas Perdana Menteri sebagai sekadar jenaka.

Dalam kejadian berasingan pada sesi perjumpaan dengan pelajar di London, pada Februari 2000, katanya Dr Mahathir juga pernah mengeluarkan kenyataan beliau berharap sangat dapat 'menggantung' peguam, terutama Karpal Singh.

Karpal berpendapat, selepas bersara pada 2003, dan selepas menyerahkan tugas kepada Abdullah, Dr Mahathir sepatutnya menjauhkan diri daripada aktiviti politik kerana, lazimnya pemimpin yang sudah bersara, tidak campur tangan terhadap urusan pengantinya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw, berkata Pakatan Rakyat berusaha meyakinkan kerajaan supaya membenarkan sekurang-kurangnya satu daripada dua jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat diisi oleh wakil mereka.

Katanya, langkah itu perlu bagi menggambarkan keadaan sebenar dalam Parlimen selepas pilihan raya umum baru-baru ini apabila parti pembangkang memenangi 82 kerusi manakala Barisan Nasional (BN), 140 kerusi.